

Sukan jadi ejen penyatuan rakyat

Kenyataan Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pendidikan supaya atlit institusi pengajian tinggi (IPT) mengimbangi bidang sukan dan akademik memang bertepatan sekali. Beliau turut menyarankan atlit dan warga sukan IPT terus menjadikan sukan sebagai ejen penyatuan kaum di Malaysia dan memperkemas semangat 1Malaysia.

Sukan berperanan besar dalam memperkukuh keharmonian dan perpaduan negara selain dapat memupuk semangat patriotisme. Sukan salah satu cabang integrasi nasional dan alat penyatuan kaum yang berkesan untuk membina semangat patriotik dan cintakan negara. Selain itu, peranan sukan juga penting dalam membangunkan masyarakat yang berdisiplin dan berdaya saing. Sukan juga mampu mengukuhkan perpaduan dan kekuatan mental dan fizikal rakyat.

Penuntut universiti yang terbabit dengan sukan dan tidak mengabaikan pelajaran akan lebih cergas, aktif dan lebih sihat serta berdaya saing. Peningkatan prestasi akademik akan berlaku.

Biasiswa sukan turut diberikan kepada atlit cemerlang di IPT dalam usaha menarik minat atlit menyambung pengajian di bidang sukan. Pelbagai inisiatif ke arah melahirkan atlit cemerlang sukan dan akademik perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh mahasiswa yang berpotensi dalam bidang sukan bagi melahirkan mahasiswa kelas pertama.

Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)